

## Muzium Cam di Da Nang: Penubuhan dan Perkembangan Kajian Campa Pada Zaman Peneroka (1886-1936)

PIERRE BAPTISTE

Di bawah semangat dan perjuangan beberapa orang pecinta batu tua, yang paling menonjol antara mereka adalah Charles Lemire (1839-1912), iaitu Residen Perancis di Quang Nam. Beliau telah menubuhkan apa yang disifatkan sebagai embrio pertama kepada koleksi bakal Muzium Cam di Da Nang<sup>1</sup> pada tahun 1892. Laluan yang berteduh masa itu adalah hutan kecil-kecil (*petit bois*)<sup>2</sup> yang indah yang terletak di pinggiran selatan bandar dan tebing sungai, secara berperingkat-peringkat menjadi sebuah taman arkeologi untuk mengumpul artifik dari tapak jauh (Binh Dinh) atau yang lebih dekat (Tra Kieu, Khuong My) itu telah membangkitkan suatu perasaan ingin tahu di kalangan beberapa pelawat. Lakaran dan juga foto sezaman (Gambar 1) itu telah mengekalkan memori romantis kepada taman itu yang menjadi sebahagian yang sempurna dalam nostalgia peninggalan yang diwarisi dari zaman keagungannya<sup>3</sup>. Tetapi, kita harus akui bahawa pengumpulan arca yang ditemui secara rambang dari merata tempat itu hanya memberi sumbangan kecil kepada pengetahuan tentang warisan yang belum kita ketahui sebahagian besarnya. Memang, ia telah mengemukakan, meskipun secara senyap, bukti dari sebuah dunia yang tertimbus dalam lapisan sejarah Vietnam.

Seiring dengan ketibaan arca di taman di Da Nang, Charles Lemire telah dengan aktifnya memberi sumbangannya kepada kajian pertama mengenai warisan Cam. Sudah pasti, tuanya kronologi relatif monumen itu begitu tidak terduga, tetapi tulisan Residen Perancis tadi – seorang musafir yang tidak kenal penat lelah, selain mempunyai sikap sentiasa ingin tahu – itu sering menunjukkan kepekaan dan ketajaman pandangannya yang luar biasa sepanjang masa perintisan itu. Makalahnya telah muncul dalam penerbitan saintifik, seperti *Revue d'ethnographie, Excursions et Reconnaissances* atau *Le Tour du monde*, maka telah menawarkan pandangan pertama yang tajam tentang monumen Campa, menara-tempat ibadat yang masih tegak atau tapak arkeologi yang penuh dengan arca<sup>4</sup>. Artifek tersebut menjadi bahan asas bagi generasi muda yang akan menjalankan kajian sistematik ke atas warisan itu. Selain karya Charles Lemire, harus ditambah lagi karya Camille Paris, mantan wakil pejabat pos yang telah menjadi penduduk di Vietnam. Beliau telah mengumpul di buminya, iaitu di Phong Lê (sekarang di bandar Da Nang) arca yang dibawa dari sebuah bukit kecil di tapak tanahnya, tempat dia mendapat bahan binaan untuk rumahnya. Jika tulisannya itu lebih mirip kepada cerita perjalanan popular di akhir abad kesembilan belas, ia tetap berguna kepada ahli penyelidik. Pada masa perintis itu, hanya karya etnografi dan linguistik penting yang dihasilkan Etienne Aymonier itu

telah menumpukan perhatian kepada orang Cam di Binh Thuan dan Khanh Hoa, dalam bentuk hasil penyelidikan saintifik<sup>6</sup>.




Gambar 1: Tapak Tra Kieu dalam taman arca di Tourane.  
Gambar Charles Carpeaux, 1902-1903. Arkip fotografi Muzium Guimet AP 14491.

Ketibaan Henri Parmentier di Vietnam pada November 1900 dengan cepatnya telah merevolusi dunia orang amatur. Meskipun orang bijaksana, tetapi beliau hanya mampu bekerja secara peribadi di luar kerja hakikinya. Kajian ilmiah itu kemudiannya telah diintegrasikan ke dalam institusi formal. Ia akhirnya menjadi *Mission archéologique de l'Indochine* yang ditubuhkan pada 15 December 1898, dan diberi nama baru *École française d'Extrême-Orient* (EFEO) sejak 20 Januari 1900, dengan jelas telah memainkan peranan dalam membuat kerja penerokaan arkeologi dan filologi di semenanjung Indochina, mempromosikan pengetahuan sejarah, monumen, ungkapannya dalam pelbagai bentuk<sup>7</sup>. Dilantik sebagai arkitek tamu di EFEO yang baru ini, Henri Parmentier turut diberi

tanggung jawab untuk mengkaji dan memulihara monumen Cam. Berdasarkan Inventori Ringkas Monumen-Monumen Cam di Annam yang disusun Louis Finot - pengarah pertama EFEO - dan Etienne Lunet de la Lajonquière pada tahun 1899 dan disiapkan pada 31 Januari 1900<sup>8</sup>, Henri Parmentier telah mula menjelajah ke seluruh Vietnam untuk meninjau monumen Cam. Beliau yang sangat peka mengenai keadaan genting arca yang disimpan di taman bandar Da Nang itu telah menyediakan keadaan arca-arca dalam taman di Tourane pada Januari 1901, iaitu satu pelan ringkas mengiringi inventori pertama koleksi yang sudah berjumlah enam puluh lapan (arkib EFEO).

Kerja penting dalam penggalian arkeologi monumen di Quang Nam (My Son, Dong Duong) yang dipimpinnya pada tahun 1902 dan 1903 itu telah menemukan banyak arca yang berkualiti tinggi. Semuanya mungkin tidak kekal disimpan di situ. Tetapi, idea untuk mendirikan sebuah depot atau gedung yang sebenar, kerana belum ada lagi muzium, mula tercetus pada musim bunga tahun 1902, seperti yang ditunjukkan di sebuah lakaran Henri Parmentier yang tersimpan di arkib EFEO (Gambar 2). Dalam kajian tentang kemungkinan pembinaan gedung arca-arca Cam yang akan dibina di Tourane, memang ada unsur penting yang menyumbang kepada muzium yang dibuka tujuh belas tahun kemudiannya. Bangunan yang banyak meminjam ciri-ciri seni bina tradisional Vietnam itu direka sebagai sebuah dewan terbuka yang lebar, menyatukan koleksi yang terkumpul mengikut komposisi simetri dan ‘kesan keseluruhan’ yang menandakan penyusunan galeri muzium itu pada masa akan datang. Begitu juga dengan penampilan yang sudah disesuaikan dengan patung besar di atas kekaki marmar (piédestal) Tra Kieu yang amat menarik di tengah-tengah dewan itu.

Tidak diragukan lagi sebuah projek seperti ini dilihat sebagai belum matang di mata kerajaan kolonial dewasa itu, terutamanya kerja pengeluaran, penggalian dan kajian monumen Cam yang belum bermula lagi. Ideanya disyorkan semula beberapa tahun kemudian dalam *Laporan En. H. Parmentier*, kepada Ketua Jabatan Arkeologi EFEO dalam program pembinaan sebuah Muzium Cam. Disusun untuk Pengarah EFEO, laporan itu menggariskan “kerugian pelepasan dan meninggalkan arca dan inskripsi Cam di Annam dan kepentingan untuk mengumpulkan semua itu ke dalam sebuah gedung yang tidak menelan belanja besar dengan mendirikan sebuah muzium kecil. Pada ketika itu, seperti yang ditunjukkan Parmentier, sejumlah karya telah dibawa ke Saigon (kini Bandar Ho Chi Minh) untuk melengkapkan muzium pertama EFEO, yang berpusat di bandar itu. Selanjutnya, pemindahan EFEO ke Hanoi tidak disertai arca-arca Cam. Menyoroti contoh kejayaan koleksi Khmer yang terkumpul di Phnom Penh, iaitu di sebuah muzium besar, Parmentier mengatakan “ini adalah sangat menarik bahawa bahan artifak tersebut harus dipamerkan dan lebih baik di satu tempat di wilayah kerajaan Campa kuno. Jadi, rencana ini akan dibuat, sangat jelas dan sangat menguntungkan untuk mengumpul dan memaparkan dalam setiap ibu kota [iaitu negara-negara Indochina] warisan kesenian dari negara berkenaan”.



Gambar 2: Kajian kemungkinan sebuah gedung arca Cam di Tourane Saigon, 21 Mac 1902. Lakaran Henri Parmentier, Tinggi 43 cm; Lebar. 53 cm.  
Arkip École Française d'Extrême-Orient (EFEO).

Wawasan rasional kepada perkembangan masa depan muzium di Indochina, yang akan membentuk muzium utama Vietnam, Kemboja dan Laos itu memberi peluang dalam laporan itu kepada satu rumusan yang sangat negatif terhadap koleksi Cam. Antara isi kandungan laporan itu ialah ‘Peluang pemuliharaan karya Cam yang terkumpul di gedung itu atau yang masih ada di tempat yang tertentu tidak seimbang dan umumnya kurang baik’. Arca dan inskripsi yang ditinggalkan dalam depot di balai Saigon itu terlindung, tetapi tidak kelihatan. Beberapa arca yang paling menarik itu dibiarkan di halaman kerana tersangat berat, maka terdedah kepada cuaca (stela I dari My Son, patung besar di atas kekaki tiang marmar berbunga teratai dari Khuong My, dll). Tidak ada tempat berlindung bagi arca yang tersisa di taman awam di Tourane, yang pada setiap pertukaran Residen, mengalami penyelenggaraan secara alternatif dan ditinggalkan, semuanya memudaratkan. Hanya prasasti Po-Mang serta beberapa arca, bukan yang paling menarik, disimpan di kediaman Residen: anak-anak tempatan, yang pada masa lalu gementar bila berdekatan dengannya, merejam batu kepada arca itu. Walaupun arca berkenaan berada di kediaman Residen, jaminan hanya sejauh mana Residen itu yang tertarik dengan hal arkeologi; jadi beberapa batu bersurat telah digunakan tukang kebun untuk mempertajam alatan mereka (Quang Ngai). Bahan yang menarik yang didapati dari penggalian itu tetap tidak diketahui umum, kerana bangunan ini umumnya adalah terlalu jauh untuk dikunjungi dengan mudah, dan kerana sikap yang terlalu berminat dari pengunjung, yang kebanyakannya terdiri daripada pengumpul amatur, maka telah menyebabkan bahan seni yang menarik, terutamanya artifak yang mudah alih itu terpaksa ditutup atau dikuncikan.

Akhirnya, artifak yang statik dan yang berhampiran monumen lama itu sentiasa terdedah kepada cuaca buruk dan berisiko menjadi batu kerikil seperti yang digunakan dalam pembinaan jalan atau pemberat oleh pengusaha Eropah. Satu lagi kelemahan daripada keadaan bahan itu yang bertebaran adalah kurangnya fungsi katalog walaupun telah dihasilkan dengan baik. Keadaan sedemikian juga telah membuat bahan atau arca itu seperti tidak penting. Jika arca itu dikumpulkan dalam sebuah gedung yang unik, selain kewujudan sebuah katalog yang mengandungi semua maklumat, makna, peranan dan asal usul yang berkaitan serta sistem pernomboran yang tersusun, ia akan menjadi bahan rujukan yang sangat bererti.

Setelah menjelaskan secara terperinci kriteria arca yang harus diintegrasikan ke dalam koleksi muzium, Parmentier datang ke lokasi yang akhirnya menjadi tapak muzium itu. "Pusat Cam yang paling unggul tidak diragukan lagi adalah Quang Nam. Di wilayah itu, bandar Tourane di mana terkumpul ratusan arca, dan yang berdekatan dengan lombong arkeologi Dong Duong dan My Son, nampaknya ia adalah tapak yang tepat sekali. Tempat ini bagi saya adalah jauh lebih baik dari kota Hue, kerana Tourane adalah pelabuhan dengan semua kapal ke Tonkin berlabuh dan di Hue, Muzium Cam telah hilang rohnya." Laporan, yang sangat menyeluruh itu berakhir dengan menyebut tentang kerangka bangunan Muzium itu. Parmentier kemudiannya merujuk kepada satu projek terhad yang telah disebut di atas (Gambar 2) yang menunjukkan bahawa, tanpa keraguan, "itu akan menambah satu bidang, atau pun dua, ruangan depan, untuk menjadi ruangan pelengkap yang diperlukan". Idea yang sangat menarik itu telah dilancarkan. Hal ini diterima sesiapa pun yang tertarik kepada warisan ini. Tidak kurang daripada tujuh tahun dari tarikh itu barulah projek ini akhirnya diterima.

Dalam tempoh panjang itu, kelembapan pentadbiran penjajah yang bertanggungjawab ke atas kelalaian memelihara arca Cam. Pembahasan projek sebuah muzium Cam di Quang Nam<sup>9</sup> nampaknya dipanaskan lagi antara Gabenor Jeneral Indochina, EFEO dan Kota Da Nang. Pada 11 Mei 1912, pengarah EFEO (Claude-Eugene Maitre) telah menulis kepada Gabenor Jeneral (Albert Sarraut): "En. Mahe telah memberitahu saya bahawa beliau telah bersetuju dengan anda untuk menolak pembangunan muzium ini, yang nampaknya manfaatnya tidak setimpal dengan kos yang akan ditanggung, dan akan meletakkan kami menanggung sepenuhnya proses pemuliharaan arca Cam yang tersimpan di Tourane dan di kediaman Residen di Selatan Annam. Saya tidak ada tentangan kepada penyelesaian ini: tanah yang cukup luas yang kita miliki hari ini di sekitar muzium baru (iaitu Museum Nasional Sejarah Hanoi) itu membenarkan kita meletakkan dengan baik koleksi yang baik, elemen pertama sudahpun ada, di mana penambahan koleksi Cam diberi keutamaan. Sekiranya ini pendapat anda, saya akan mengarahkan dalam masa terdekat seorang dari rakan saya, yang melewati Annam, untuk memilih di beberapa gedung, bahan yang harus dibawa ke sini". Surat, yang boleh menamatkan impian Henri Parmentier itu akan

mendorong Sarraut untuk membenarkan pelepasan arca dari Da Nang. Dengan demikian, beliau menulis surat bertarikh 13 Mei 1912 kepada Residen Superior di Annam; “[...] Saya membenarkan Pengarah *École française d'Extrême-Orient* untuk memilih antara batu-batu yang disimpan di Tourane dan mengangkutnya ke Hanoi, mana-mana batu yang dianggap layak untuk dimasukkan ke dalam Muzium Arkeologi Indochina”. Dia menambah, bagaimanapun, satu ayat yang penuh makna: “ Saya mohon anda menyampaikan keputusan ini kepada perhatian Pentadbir-Pegawai Daerah Tourane. ”


Reaksi daripada pentadbiran perbandaran, seperti yang dijangkakan, masih jauh daripada ketidakperdulian yang ditunjukkan pemerintahan pusat kolonial. Sebuah telegram rasmi yang bertarikh 19 Julai 1912 telah disediakan Suruhanjaya Perbandaran Tourane kepada Gabenor-Jeneral untuk menjelaskan pertukaran pendapat itu: “Kami membantah surat itu [...] menyatakan kepada Pentadbir-Pegawai Daerah bahawa selepas kesefahaman dengan anda, maka telah diputuskan *École française d'Extrême-Orient* akan diangkut ke Muzium Hanoi dan arca Cam yang sedia ada di Taman Awam di bandar itu kepada kami. Kami ingin memberitahu anda bahawa pertamanya batu-batu itu telah dikumpul dengan pembiayaan dan jagaan peribadi En. Lemire, bekas pegawai tadbir Tourane yang pada keberangkatannya telah meninggalkan bandar kami, demikian juga dengan batu-batu itu adalah milik kami yang telah kami bersedia untuk memeliharanya dengan menggunakan segala undang-undang; kedua, batu itu diakui secara rasmi oleh pihak anda bahawa ia adalah milik bandar kami semasa perbincangan untuk membina sebuah muzium di Tourane di mana diminta untuk menyerahkan batu-batu itu untuk kepentingan Museum *École fran-çaise d'Extrême-Orient* dan pemindahan itu ditolak secara bulat-bulat oleh dewan perbandaran dalam beberapa mesyuaratnya.” Pada 11 Mac 1936, semasa perasmian ruangan Muzium Cam yang telah diperluaskan, George Cœdès, iaitu pengarah EFEO ada sebut berkenaan saat-saat sukar:

“ antara dua konsep nampaknya bertentangan, iaitu sebuah muzium arkeologi tunggal di Hanoi dan muzium-muzium kedaerahan<sup>10</sup>. Konsep pertama itu telah menimbulkan tentangan dari daerah dan pentadbiran tempatan yang membela apa yang mereka fikirkan sebagai milik mereka; idea kedua adalah yang telah disokong pentadbiran Gabenor Jeneral yang sebaliknya berdepan dengan kekurangan kewangan<sup>11</sup>. ”


Perbincangan pada tahun 1912 itu telah menepatkan nasib arca Cam di bandar Dan Nang. Walaupun sudah difahami koleksi Cam itu tidak akan dibawa ke Hanoi, pembangunan sebuah muzium masih sukar dibayangkan. Didapati khususnya dalam beberapa surat menyurat pada tahun 1914 “bahawa suatu peruntukan telah disediakan dalam belanjawan Annam untuk tahun 1915 yang diperuntukkan untuk pembangunan tempat berlindung bagi arca Cam di Tourane<sup>12</sup>”. Masih terdapat beberapa perbezaan jelas antara visi ahli arkeologi dan arkitek serta visi penjimatan pentadbiran. Namun, projek pertama pembinaan sebuah muzium telah muncul menjelang tahun 1909 lagi. Pada awalnya, tapak

tanah untuk “Taman Arca” yang bebentuk sebuah segi tiga dengan keluasan 4,200 m<sup>2</sup> antara jalan “rumah sembelih” dan jalan Cam-Lê (bakal jalan Sembelih dan jalan Quang Nam) dilihat sebagai bakal lokasi institusi itu.

Bertarikh 8 Mei 1911, pelan tampak yang dilukis arkitek Delaval, iaitu pemeriksa bangunan awam di Hue, telah memberi gambaran jelas tentang konsep keseluruhan bangunan itu (Gambar 3). Bangunan ini direka sebagai beranda terbuka luas ke empat penjuru, hiasannya dipinjam daripada seni hiasan arkitek Cam kuno. Di aras bawah tapaknya terdapat hiasan, beberapa tangga dilapisi unjuran kerangka dan tiang hias empat segi (*pilaster*) bercorak gigi gergaji serta dihiasi motif tampil hias kesenian tradisional Campa. Terdapat juga astaka di sudut pintu masuk yang bersaiz besar dengan ditandai sebuah ambang pintu warisan seni bina Cam abad kesebelas. Tanpa ragu-ragu, kita akan melihat di sisi bumbung astaka tepian yang anih itu menampakkan unsur tempatan - mengingatkan bumbung Bang An - kubahnya amat diminati arkitek zaman Empayar Kedua. Suatu bentuk kacukan, seni bina ini berpadanan secara semula jadi ke dalam penciptaan kolonial kontemporari. Pada prinsipnya, projek ini mungkin akan berterusan secara perlahan. Rima pengurikan, astaka sudut, garis bentuk dan perkadaran bangunan akan dikenalkan. Sederhana, bangunan itu sendiri adalah suatu bentuk segi empat mudah, menghadap utara dan dikelilingi galeri terbuka di luar. Yang paling membingungkan adalah di daerah yang lembab seperti Quang Nam, juru bina telah memilih kecenderungan bumbung teras dengan kecondongan yang sangat rendah dengan dilindungi dinding cucur atap yang



Gambar 3: Pembinaan sebuah muzium Barang Purba Cam di Tourane, bahagian hadapan utama. Pelan tegak Delaval. Bertarikh 8 Mei 1911. Tinggi 31 cm; Lebar 42 cm. Arkip École française d'Extrême-Orient.




Gambar 4: Pembinaan sebuah muzium Barang Purba Cam di Tourane, bahagaiam hadapan utama. C. Auclair. Bertarikh 1915. Tinggi 33 cm; Lebar 93 cm.  
Arkip École française d'Extrême-Orient

membentuk beranda, serta menekankan beberapa motif hiasan. Bumbung ala “Itali” itu telah memberi bangunan itu unsur melintang yang penuh dengan keanggunan, tetapi turut sama menyumbang, dari tahun 1930-an, banyak kerosakan akibat penyerapan air<sup>13</sup>.

Lakaran arkitek Auclair, ketua jabatan bangunan awam, itu akan mengimbangi wacana seni bina itu dengan membatalkan, dalam projeknya dalam tahun 1915, astaka yang berkubah dengan menggantikannya dengan bangunan yang lebih terbuka, tanpa keraguan akan mengambil kira fungsinya (Gambar 4). Akan tetapi, sifat asimilasi kesenian Campa itu adalah tidak baik dengan ia memerlukan nasihat yang bijak daripada Parmentier, yang pada 10 Julai 1915 telah mananamkan roh kepada bangunan seperti itu yang hanya ahli arkeologi yang boleh melakukannya (Gambar 5). Lukisan Auclair muktamad itu mencerminkan peningkatan pentingnya sejarah, ternyata sangat berjaya dengan pelan yang telah diwartakan pada tarikh itu hanya menunggu peruntukan kewangan sahaja.

Pada Oktober 1914, barulah pembentukan projek ini disetujui Gabenor Jeneral Indocina dengan Henri Parmentier dilantik sebagai pengarah projek itu. Beberapa pertukaran surat antara Pengarah ÉFEO dan Residen Superior Hue berkaitan pemberitahuan bahawa pada musim gugur 1915, ada masalah menggunakan wang yang telah diluluskan untuk projek itu<sup>14</sup>. Namun, bangunan itu telah dibina dalam bulan-bulan terakhir tahun 1915 dan musim bunga tahun 1916 dan selesai pada bulan Mei. Dengan kos sekitar 9,000 piastre, bangunan yang berkeluasan 485m<sup>2</sup> itu mempunyai “sebuah beranda terbuka mengelilingi bilik bundar besar menghadap ke bahagian depan dengan ruangan tengah tertutup. Di ruang belakangnya pula disediakan sebuah perpustakaan yang menghubungi ruangan tengah melalui pintu pejal, membolehkan cahaya masuk melalui tiga buah tingkap kaca dan bidai. Ciri binaannya pula berbentuk dinding dari batu bata, jubin simen dan atap konkrit serta simen volkanik yang kurang berkualiti. Ia pasti tidak sepenuhnya sesuai bagi aktiviti pemuliharaan arca dalam keadaan cuaca panas lembab.”

Hanya pada bulan Februari 1918, Parmentier keluar dari pusat EFEO di Hanoi untuk pergi ke Da Nang bagi “meneruskan usaha melengkapkan Museum Cam”. Sejak tiba, beliau mengatur penghantaran arca yang tersimpan di Saigon. Bulan Mac dikhkusukan untuk perancangan ruang pameran (pembinaan alas-alas); pada bulan berikutnya, beliau mula mengangkut arca dari tapak di Dong Duong dan Thu Bon; pada bulan Mei, giliran arca dari Quang Ngai. Suratnya ke Residen bahagian tengah Vietnam dengan arca yang dapat dihantar pada bulan-bulan pertama tahun 1918<sup>15</sup>. Kerja tersebut tergendala seketika semasa ketiadaan Henri Parmentier yang terlalu sibuk sama ada di Hanoi atau di Kemboja dengan pembukaan muzium yang hanya siap pada bulan April 1919 kepada orang ramai. Hal ini tidak menjadi perayaan rasmi yang gembira, kita hanya dapat melihat dalam “babad” BEFEO bahawa “ Muzium Cam di Tourane akhirnya siap ditubuhkan dengan bahan yang menarik di dalamnya telah tersimpan dalam keadaan yang sangat baik, dengan astakanya dikelilingi taman, berkat kebaikan hati Residen-Ketua daerah, En. Lapouyade. Pemilihan kedudukan ini dengan pemandangan yang indah dan keindahan sebenarnya dari sebahagian dari bahan-bahan yang dipamerkan itu telah menambah nilai arkeologi yang ada padanya dan akhirnya membuat muzium ini tempat peranginan yang menyenangkan bagi pengunjung yang datang ke Tourane dan juga masyarakat di bandar ini”<sup>16</sup>.



Gambar 5: Muzium Cam Tourane, detail bahagian depan.  
Bertarikh 10 Julai 1915. Henri Parmentier. Tinggi 58 cm; Lebar 47 cm  
Arkip École française d'Extrême-Orient

Foto lama (no. 6 dan 7) yang telah menerangkan dengan jujur persembahan pameran asli dengan mengambil kira susunan simetri yang jelas serta komposisi piramid dan aturannya dalam keadaan tertentu itu sebenarnya bertopeng ketidakseragaman yang besar menurut konsep museografi yang diwarisi dari Zaman Kesedaran dan kadang kala tidak diguna-pakai lagi di Eropah. Tentu sahaja, karya agung telah ditonjolkan. Mereka mengimbangi garisan utama dalam bidang seni bina: Tara dari Dai Huu, kaki arca dari My Son E1, Ganesha dari My Son E 5 (kat. 11) dan dewa dari Dong Duong (kat. 23). Tetapi, kita hanya boleh mengagumi pengumpulan itu yang merupakan kaki arca yang berlinga dari My Son E1, yang menjadi banir tiang karya agung dari Tra Kieu dan Da Nghi serta Tara dari Dai Huu. Jika pameran ini tidak diadakan tanpa pesona, menawarkan kepada muzium Da Nang sifat romantik sebuah gedung batu-batu lama, ia memperlihatkan bahan-bahan yang telah lama diabaikan, maka kami mengakui bahawa pameran ini memberi sumbangan yang sangat kecil kepada kefahaman orang ramai.

Pada zaman itu, memang benar Henri Parmentier telah menyumbang dengan cara lain kepada pengetahuan warisan tadi dengan menerbitkan, bersama dengan karya lainnya, sebuah buku yang berjodol *Inventori Monumen-Monumen Cam di Annam*. Dalam inventori sebenar, maklumatnya sangat tepat dan lengkap dengan keterangan, memuatkan hasil pekerjaan arkeologinya yang dilakukan pada 1902 dan 1903 (penggalian di My Son dan Dong Duong) ditambah dengan bahagian analisis yang kita jumpai penulisan rasional kali pertamanya sebuah kronologi yang berkait dengan monumen Cam. Jumlah besar lukisan yang sangat bernilai masa sekarang itu telah melengkapkan keterangan tentang monumennya dengan adanya pelan dan lakkannya yang telah ditambah lagi dengan jumlah butiran dekoratif. Demikianlah banyaknya alasan yang merangsangkan selera pengkaji generasi yang akan datang.

Menjelang tahun 1920, Muzium Cam ini sudah didapati menjadi terlalu kecil. Beberapa karya utama dan yang telah lama dibawa ke Da Nang, seperti patung besar di atas kekaki marmar dari Ta Kieu, tidak pernah dipamerkan dalam galeri yang sempit dan penuh sesak dengan arca. Arca lain yang ditemui pada tahun 1902 dan 1903 semasa penggalian arkeologi yang dilakukan Henri Parmentier dan Charles Carpeaux di My Son dan Dong Duong itu telah rosak sedikit demi sedikit di tapak simpanan yang tidak bersistematis. Tidak lama kemudiannya, kegiatan arkeologi semula yang serius di bawah pimpinan Jean-Yves Claeys telah membawa kepada suatu kebangkitan baru bagi Muzium Cam.


Sejak tahun 1923, arkitek di Jabatan Kerja Raya Indochina, Jean-Yves Claeys, lebih tertarik kepada bidang arkeologi. Beliau yang dilantik sebagai ahli sementara di ÉFEO pada Jun 1927 itu telah mengetuai penggalian sebenar yang pertama di tapak Tra Kieu (Quang Nam), iaitu tapak ibu negara Cam kuno, dan di bawah muka bumiunya telah dijumpai banyak artifak yang boleh dilihat di "taman Tourane" dan muzium pertama. Kedua-dua kerja penggalian yang beliau kendalikan dari bulan Julai hingga ke November 1927 dan dari bulan Februari hingga ke Ogos 1928 ke atas tapak itu bukan sahaja telah menjelaskan organisasi dan pembangunan



Gambar 6: Muzium Tourane, pandangan global dari Utara.

Tinggi 18 cm; Lebar 24 cm

Arkip foto Musée Guimet, 3292/4, tanpa tarikh.



Gambar 7: Muzium Tourane, pandangan dalam.


Tinggi 17 cm; Lebar 22,6 cm

Arkip foto Musée Guimet, 3292/3, tanpa tarikh.

monumen utama kota lama itu pada abad ke-10, tetapi juga telah mengenal pasti banyak unsur hiasan seni bina seperti *metope* yang terdapat pada struktur tiang yang besar, gendang, cebisan artifak, dan lain-lain yang secara berperingkat terkumpul dalam gedung batu di Tra kieu (Gambar 8)<sup>17</sup>. Pada tahun 1934, penemuan yang amat menarik di Thap Mam (Binh Dinh) dengan dijumpai gendang *battani*<sup>18</sup>



Gambar 8: Tra Kieu, Quang Nam. Gedung sementara, lawatan En.. Jabouille (Residean Superior di Annam) pada tahun 1927.  
Arkip foto Musée Guimet.




Gambar 9: Pendarata arca-arca Thap Mam di dermaga di hadapan Muzium.Lebih kurang tahun 1935.  
Arkip foto Musée Guimet.

yang telah diangkut dengan kapal ke Da Nang sebelum ia dibungkus dengan keadaan yang sukar di gedung tambahan Muzium (Gambar 9 dan 10).



Gambar 10: Arca-arca yang tersimpan di gedung tambahan Muzium Cambodia.  
Lebih kurang tahun 1935.  
Arkip foto Musée Guimet

Jauh sebelum kesesakan itu, pada tahun 1927, Jean-Yves Claeys semasa meneruskan kesinambungan kerja Henri Parmentier, iaitu idolanya, telah menggambarkan garis kasar kerja perluasan Muzium Cam ini. Pada 23 Ogos, beliau menandatangani *Tra Kieu*, iaitu suatu kajian tentang kemungkinan perluasan Muzium Cam Tourane. Gambar 11 adalah lakaran hebat dan elegan masa depan institusi itu. Didahului dengan lantai ‘ala Perancis’, bangunan tambahan itu mempunyai empat ruang pameran yang disusun dalam bentuk harmoni mengelilingi halaman dalam. Pada tiga sayap utamanya, iaitu di utara, timur dan barat, diperuntukkan dewan pameran tetap dengan ditambah di selatannya, sebuah dewan yang mengumpulkan “lukisan, model (kerja seni), gambar foto, ruang kaedah pengajaran serta perpustakaan yang berhubung dengan pejabat kurator dan sebuah tangga melingkar untuk ke tingkat bawah. Di bahagian hujung bangunan itu yang dibentuk rupa bumi yang bercerun, telah menggabungkan gedung artifak yang baru diperolehi, di bahagian barat, disediakan sebuah dewan pameran artifak untuk dijual di bahagian selatan. Projek ini yang sangat menarik dan sangat lengkap pada zamannya, maka tidak jauh berbeza dengan muzium Albert Sarraut di Phnom Penh (sekarang menjadi Muzium Nasional) yang dirancang dengan jayanya, mengelilingi halaman dalam. Sebuah lagi lakaran Claeys, sedikit terkemudian, dengan semangat yang sama, walaupun kurang hebat; dengan sayap di sebelah



Gambar 11: Sketsa « A » kajian kemungkinan perluasan Muzium Cam Tourane.

Lukisan Jean-Yves Claeys, Tra Kieu, bertarikh 23 Ogos 1927.

Tinggi 61 cm; Lebar 39 cm.


Arkip École française d'Extrême-Orient.

selatannya menghilang, sementara jalan masuk yang istimewa untuk kenderaan itu telah diubah menjadi tapak bangunan itu<sup>19</sup>.

Projek ini akan memakan masa beberapa tahun untuk disiapkan dengan kerjasama seorang rakan arkitek dan ahli arkeologi, Henri Marchal, yang memainkan peranan amat besar di Kemboja dengan melahirkan suatu penyelesaian pada tahun 1934 bagi kerja perluasan yang kurang megah, tetapi harmoni dengan bangunan asalnya. Ia direka bentuk dengan dua sayap di bahagian hadapan, manakala bukaannya ditandai tiang hiasan bersetegi empat serta seragam dengan tapak asal. Di bahagian belakangnya, perpustakaan telah diganti dengan dewan besar untuk simpanan sejumlah besar koleksi utama dari Dong Duong. Kerja pembinaan itu tertunda kerana masalah kewangan dan akhirnya hanya dapat dimulakan kembali pada musim panas 1935<sup>20</sup>. Pada bulan Ogos, galeri yang dibuat daripada batu-bata telah mula dibina (Gambar 12). Pada tarikh 10 Disember, Jean-Yves Claeys telah menandatangani rancangan pemasangan arca. Pada bulan-bulan awal tahun 1936, koleksi itu telah disusun dalam sebuah bilik, dan pemindahan sebenar ke halaman persembahan yang telah dipilih, iaitu dalam bentuk kronologi sebenarnya bukanlah suatu yang mudah.

Sejak itu, Muzium Parmentier yang disusun di sekitar dewan utama yang dikhaskan untuk arca yang ditemui, kadang-kadang sudah sekian lama di Tra Kieu. Pameran ditandai linga besar di atas kaki arca yang diletakkan di tengah-tengah dewan itu dan terselindung, tetapi mujurlah penemuan baru Claeys itu melengkapi pameran itu<sup>21</sup>. Jumlah arca yang ditemui dalam penggalian tahun 1927 dan 1928 itu juga telah membesar lagi koleksi tua muzium itu. Namun, sumbangan yang terbesar dari proses perluasan muzium itu adalah yang berkaitan dengan pameran arca dari tapak Dong Duong dan Thap Mam.

Di belakang galeri Tra Kieu, ada sebuah dewan yang luas dan diperhebatkan lagi dengan ruangan siling yang tinggi. Dalamnya terdapat himpunan arca, unsur patung besar di atas kekaki marmar serta serpihan hiasan yang Parmentier dan Carpeaux yang telah temui di Dong Duong pada tahun 1902. Sejak tiga puluh tahun yang lalu, suatu penantian telah berlaku oleh himpunan warisan sejarah itu untuk mendapat perlindungan yang sewajarnya kerana keulungannya<sup>22</sup>. Persembahan pameran patung besar di atas kekaki marmar di ruangan muzium itu bukanlah perkara mudah. Kumpulan besar artifak dari menara utama, yang lengkap di tapak, mula mengalami masalah ruang, iaitu tersandar di dinding berhampiran pintu masuk, maka pengunjung hanya boleh melihatnya dengan posisi yang salah, manakala patung besar di atas kekaki marmar *vihara*, berada dalam keadaan cebis-cebisan, selain tidak membolehkannya dipulihkan kepada bentuk asalnya kerana strukturnya yang kompleks, selain telah dirosakkan perjara. Masalah



Gambar 12: Muzium Cam Tourane, kerja-kerja perluasan, pintu masuk utama, bahagian depan timor sayap barat.Ogos 1935.

Arkip foto Musée Guimet.

kehilangan juga turut berlaku pada set hiasan batu bata yang ada di situ dan blok batu pasir yang susunan asalnya itu masih dalam peringkat hipotesis. Namun, harapan diletakkan pada rangka komposisi yang diwarisi dari Henri Parmentier, kami akan menyusun secara anggaran kepada dua kumpulan saling berhadapan, yang mana akan menempatkan patung Buddha besar daripada batu pasir yang ditemui di tapak itu.

Keadaan sama juga terdapat di Dewan Thap Mam yang menghadapi masalah museologi yang serius. Elemen hiasan hasil penemuan daripada Jean-Yves Claeys pada tahun 1934 itu telah dipadankan dengan dinding batu bata asal yang mengenakan *kalan* (kat. 87-90, 92, 93). Integrasinya dengan bilik yang terbuka lebar ke luar itu tidaklah mudah dan sebahagian besar arca akan ditampal pada batu benteng<sup>23</sup>. Sebagai kumai yang penting kepada hiasan ruang di bawah tanah, hanya sebahagian kecilnya akan dimasukkan ke dalam persembahan pameran, manakala sebahagian besar hiasan, dengan corak berulang-ulang, tetap di taman dengan ia hanya berfungsi sebagai batas tepian<sup>24</sup>.

Pada hari Rabu 31 Mac 1936, jam 10 pagi, Pengarah ÉFEO, George Coedès, telah merasmikan dewan-dewan baru Muzium Cam, di bawah Presiden, Gabenor Jeneral Indocina dan di hadapan Maharaja Bao Dai (Gambar 13). Muzium baru ini tetap tidak berubah selama hampir tujuh puluh tahun dan agak mengharukan kerana pada tahun 1997, semasa penerbitan katalog yang disusun En. Jean-Pierre Ducrest dan En. Leon Vandermeersch, tempat letak artifek itu tidak berubah sedikit pun sejak awal yang dirancangkan Jean-Yves Claeys<sup>25</sup>.



Gambar 13: Muzium Cam Tourane, bahagian depan utama.

Tarikh 26 Mac 1936 .

Arkip foto Musée Guimet.

## NOTA

- <sup>1</sup> Bandar Da Nang disebut Tourane pada zaman itu. Untuk kemudahan, dan secara umum, kami lebih suka menggunakan nama moden bandar-bandar Vietnam kecuali kutipan di mana nama-nama lama dikenalkan.
- <sup>2</sup> Lemire 1894 : 401.
- <sup>3</sup> Lihat khususnya *Monuments du parc des Chams à Tourane*, lukisan Gotorbe, menurut satu foto, 1894 (Lemire 1894 : 405).
- <sup>4</sup> Lihat bibliographie.
- <sup>5</sup> Parmentier 1919(1) : 5.
- <sup>6</sup> Aymonier 1885(1), 1885(2), 1886(I), 1886(2).
- <sup>7</sup> BEFEO I 1901 : 66.
- <sup>8</sup> Finot & Lunet de Lajonquière 1900. Dalam inventori tersebut, 178 buah monumen disenaraikan menurut provinsi, dari Binh Thuan ke Quang Binh.
- <sup>9</sup> Difahamkan di sini, secara amnya, Quang Nam, termasuk bandar Da Nang dan bukan pembahagaian pentadbiran kini yang sudah berasingan.
- <sup>10</sup> Berkanaan kerumitan tersebut, lihat Parmentier 1919(1): 2-3.
- <sup>11</sup> BEFEO XXXVI 1936, “Chronique”: 591-592.
- <sup>12</sup> Minit no. 915 pada 26 October 1914, Pengarah EFEO kepada Residan Superior di Annam. Arkip EFEO.
- <sup>13</sup> Kelembapan ini, digabungkan dengan teknik kuno untuk memasang secara langsung artifek-artifek pada dinding dan lantai, telah besar menyumbang kepada kerosakan beberapa arca batu pasir yang kadang kala menunjukkan, sebelum campur tangan bengkel pemulihan yang dipimpin oleh Dr Bertrand porte, kenaikan bahan.
- <sup>14</sup> Minit no. 711 pada 14 September 1915, Pengarah EFEO kepada Residan Superior di Annam. Arkip EFEO.
- <sup>15</sup> Arkip EFEO menyimpan «Correspondance au sujet du musée de Tourane et divers» kepunyaan Henri Parmentier di dalam mana ada mencatat penghantaran-penghantaran antara 27 februari dan 30 april 1918.
- <sup>16</sup> “Musée Cham de Tourane”, “Chronique”, BEFEO XIX 1919, no. 5 : 103.
- <sup>17</sup> Berkanaan kerja-kerja di Tra Kieu, lihat Claeys 1927, 1928(3) dan 1931(2).
- <sup>18</sup> Dokumen dalam kepunyaan kami kini mengenai kerja terhad kepada report yang singkat disediakan oleh Claeys dan diterbitkan dalam BEFEO; Claeys 1934(2).
- <sup>19</sup> «Sketsa “B” dalam kajian kemungkinan perluasan Muzium Cam Tourane», Hanoi, 31 Disember 1927 (H. 63 cm; L. 47 cm. Arkip École française d’Extrême-Orient).
- <sup>20</sup> Arkip EFEO.
- <sup>21</sup> Serpihan-serpihan lingkaran utama profil penghiasan berbentuk bulat kaki arca, ditemui oleh Claeys, sebenarnya ditambah kepada karya/artifek tersebut dalam kerja perpindahan ini. Kami hanya boleh menyesal bahawa bertahun-tahun kemudian, elemen-elemen tersebut telah dihapuskan semula. Salah satu dari elemen tersebut kini dipersembahkan di bahagian tambahan muzium (no. DN 133). Yang kedua dalam simpanan sebagai sandaran.
- <sup>22</sup> Dalam tempoh masa yang panjang itu, beberapa arca dijumpai semasa penggalian pada tahun 1903 telah kehilangan sebelum menyertai, menjelang tahun 1930-an, beberapa koleksi agung Eropah. Yang lain yang terlepas dari penyiasatan ahli-ahli arkeologi, ditemui secara kebetulan dan akan mengikuti jalan yang sama (kat. 24, 25, 27, 29).

- <sup>23</sup> Pemulihan baru-baru ini telah berlaku bagi kepentingan arca-arca di Muzium Cam di Da Nang telah mendapati bahawa beberapa buah arca terancam oleh kontak langsung dengan dinding batu (lihat nota 13).
- <sup>24</sup> Kita boleh persoalkan tentang alasan yang menyebabkan Jean-Yves Claeys membawa ke Da Nang semua dekor itu. Adakah belia ingin merekonstruksi tiga tahap profil penghiasan di museum yang baru? Barang-barang yang banyak itu masih tersebar di ruangan-ruangan dari muzium lama, sambungan moden dan taman di mana majoritinya masih ada lagi.
- <sup>25</sup> Ducrest & Vandermeersch 1997 : 200-203.

(Sumber asal makalah dalam bahasa Perancis ini adalah bab yang berjudul Le Musée De Da Nang Et Le Developpement Des Etudes Cham: Le Temps Des Pionniers (1886-1936) : 3-11 dalam buku [tanpa pengarang] *Trésors d'art du Vietnam. La Sculpture du Champa Ve-XVe siècle*. Paris: Réunion des Musées Nationaux. 2005).

Penterjemah:

1. Mohamad Zain Musa, Ph D  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi

Emel : matzen@pkriisc.cc.ukm.my

2. Kamarul Afizi Kosman, MA  
Felo Penyelidik  
Institut Alam & Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi

Emel : fizi26@hotmail.com